

03 JUL 2002

Mahathir-Kestabilan

KESANGGUPAN PENGGANTI SAYA MENUNGGU ADALAH PETANDA BAIK - DR MAHATHIR

PUTRAJAYA, 3 Julai (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata kesanggupan penggantinya untuk menunggu sehingga 16 bulan sebelum mengambil alih kepimpinan negara adalah petanda baik kepada kestabilan politik Malaysia.

Katanya beliau terpaksa akur dengan desakan orang yang akan menggantikan tempatnya, untuk menyambung perkhidmatan bagi tempoh itu walaupun beliau berhasrat untuk bersara lebih awal.

"Sebenarnya kalau saya tak jadi Perdana Menteri, hari ini Pak Lah (Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi) jadi Perdana Menteri dan mungkin Najib (Menteri Pertahanan Datuk Seri Najib Tun Razak) jadi Timbalan Perdana Menteri, tetapi mereka sanggup tunggu selama 16 bulan lagi untuk mendapat jawatan itu," katanya ketika berucap pada majlis perjumpaan dengan Jawatankuasa Umno Bahagian Kubang Pasu di pejabatnya di Bangunan Perdana Putra di sini.

Dr Mahathir, yang juga Ketua Umno Bahagian Kubang Pasu, berkata keadaan sekarang berbeza dengan satu ketika dahulu apabila ada orang mahu merebut kuasa daripadanya dengan cara menumbangkannya dari jawatan.

Dalam keadaan yang begitu, katanya, beliau tidak mahu melepaskan jawatan malah melawan balik mempertahankan jawatan.

Pada kali ini, katanya, keputusannya untuk bersara dibuat semata-mata kerana beliau merasakan bahawa perkhidmatannya selama 21 tahun sebagai Perdana Menteri sudah lama.

"Tidak siapa tolakpun, tak ada rasa kecewa atau apa pun," katanya.

Perdana Menteri berkata beliau tidak mahu bersara pada tahun 1999 kerana pada ketika itu ada orang sedang membencinya.

"Saya cuba nak pulih semula, bukan imej saya tetapi imej parti supaya Umno kembali menjadi parti utama yang disokong oleh rakyat.

Dr Mahathir berkata sungguhpun beliau akan meletakkan semua jawatan dalam parti dan kerajaan, beliau akan terus memimpin Umno bahagian Kubang Pasu sebagaimana yang dihajati para pemimpin bahagian itu.

Beliau juga berkata beliau akan meneruskan khidmat untuk parti selepas bersara dengan menjelajah ke seluruh negara untuk terus menghidupkan jiwa dan semangat Umno di kalangan orang Melayu.

Perdana Menteri berkata beliau mahu orang Melayu berupaya berdikari di negara ini dan tidak lagi perlu bergantung kepada "tongkat."

Beliau juga berharap penggantinya akan meneruskan usaha mempertahankan dan mengekalkan kehormatan Malaysia.

"Dalam perjuangan ini tidak ada yang lebih baik daripada orang menghormati kita," kata beliau.

Merujuk kepada permintaan daripada timbalan ketua Umno bahagian itu Tan Sri Osman Aroff dalam ucapannya sebelum itu, Dr Mahathir berkata soal sama ada beliau akan bertanding lagi di Kubang Pasu dalam pilihan raya akan datang, akan hanya difikirkan kemudian.

Kira-kira 100 orang terdiri daripada pemimpin Umno bahagian Kubang Pasu termasuk pemimpin Pemuda, Wanita dan Puteri Umno menghadiri perjumpaan itu.

-- BERNAMA

AFY ZS ROS